

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVIII)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

4. Pasar Awam Telok Bahang.

- (a) Dengan pembangunan yang agak pesat di sekitar Telok Bahang, adakah pasar ini termasuk dalam rancangan untuk pembesaran dan menambah bilangan peniaga yang ada?
- (b) Berapakah kapasiti penduduk yang diguna pakai dalam menentukan pembesaran dan penambahbaikan sesuatu pasar awam?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

- 4. (a) Pada ketika ini, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Pasar Awam Telok Bahang. Ini kerana, kapasiti Pasar Awam Telok Bahang masih boleh menampung keperluan domestik untuk penduduk sekitar kawasan Telok Bahang dan Batu Feringghi.
- (b) Formula yang digunakan untuk menentukan keperluan menaik taraf atau pembinaan sesuatu pasar awam ditentukan semasa Pelan Kebenaran Merancang yang dikemukakan untuk sesuatu pembangunan. Syarat penyediaan tapak penjaja/pasar menggunakan formula bagi setiap 100 unit rumah, pemaju perlu membina/menyedia 8 unit gerai. Pemaju juga perlu menyediakan tambahan satu (1) unit gerai bagi setiap 50 unit rumah berikutnya.

